

# PENDIDIKAN ISLAM : ALTERNATIF KE ARAH KECEMERLANGAN PEMBANGUNAN

Nik Mohd. Rosdi Nik Ahmad  
Unit Pendidikan Islam

## PENDAHULUAN

Firman Allah S.W.T :

*"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekelian makhluk).  
Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu  
Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan,  
Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."*

( Surah Al-'Alaq 1-5 )

Persoalan pembangunan dan kecemerlangan yang dicapai dalam pembangunan, adalah suatu slogan yang sentiasa segar untuk diperbincangkan pada bila-bila masa pun. Malah itulah sebenarnya yang bermain dalam kepala manusia, lebih-lebih lagi manusia-manusia yang bergelar sebagai pemimpin, samada di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa. Keghairahan seperti ini bukanlah suatu perkara baru dalam sejarah ketamadunan manusia, ianya bermula semenjak manusia pertama (Adam 'a.s.) diutus ke dunia untuk memegang peranan khalifah di bumi.

Slogan pembangunan ini terus berada di puncak mahkota kata-kata setiap yang merasakan dirinya bertanggungjawab terhadap masa depan negara dan dunia seluruhnya. Rentetan daripada itu tercetuslah berbagai bentuk ideologi yang berupa teori-teori terkini yang cuba dilontarkan ke tengah-tengah gelanggang masyarakat dunia, untuk menarik minat siapa sahaja yang ingin mencuba segala bentuk teori yang dikemukakan. Biar apapun jenis bentuk teori pembangunan yang dikemukakan bukan itu yang menjadi persoalan buat kita. Tetapi yang menjadi persoalan ialah, kealpaan manusia terhadap tugas hakikinya di dunia ini iaitu beribadah kepada Allah dan menjalankan urusan khilafah berlandaskan pengabdian kepadaNya semata.

Tugas manusia sebagai khalifah memang membangunkan muka bumi, tetapi pembangunan yang macam mana mesti mereka laksanakan? Apakah manusia diberi kebebasan penuh untuk membuat apa sahaja di muka bumi ini mengikut kehendak hawa nafsunya tanpa dibatasi oleh sebarang syariat dari Yang Maha Berkuasa. Kalau jawapannya tidak, mengapa manusia boleh lupa bahawa pembangunan yang dibina atas bumi Allah ini perlu dilihat kepada pelan dan peraturan yang disediakan.

## KEMEROSOTAN PEMBANGUNAN YANG BERASASKAN KEBENDAAN SEMATA

Sesungguhnya kemerosotan pembangunan yang berteraskan pendidikan sekular telah mula memperlihatkan kelemahannya dalam menghadapi arus pembaharuan yang diimpikan oleh manusia semenjak dahulu. Para cerdik pandai dari seluruh bangsa yang ada di segenap pelusuk muka bumi ini mulai sedar hakikat pembangunan yang mereka inginkan selama ini tidak mungkin dicapai dengan hanya memberi penumpuan kepada aspek lahiriah semata. Sistem pendidikan yang mereka agung-agungkan selama ini sebenarnya telah menghadapi jalan buntu untuk membawa manusia ke arah kecemerlangan pembangunan. Semakin hebat manusia berhempas pulas dengan kemajuan semakin jauh pulalah mereka dari nilai-nilai kemanusiaan; makin hampir manusia menuju ke puncak semakin teruk pula kehancuran peradaban yang mereka cipta. Akhirnya terjelmalah haiwan-haiwan dan syaitan-syaitan yang berwajah manusia tetapi perangai, sikap dan gaya mereka saling tak tumpah umpama makhluk yang tidak mempunyai akal fikiran malah lebih dahsyat daripada itu. Inilah agaknya yang disebut oleh Allah S.W.T. dalam al 'Quran :

Maksudnya:

*Dan sesungguhnya kami jadikan untuk mereka Jahannam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keEsuan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang larai.*

( Surah Al-A'raf 7:179 )

Fenomena seperti ini lahir akibat kealpaan dan kelalaian manusia terhadap peraturan Ilahi. Inilah punca yang membawa implikasi buruk terhadap konsep dan falsafah pembangunan yang sebenarnya. Pembangunan yang dibina manusia telah menuju jurang kehancuran. Memang tidak salah kalau kita katakan kemajuan dan kekayaan yang melimpah ruah dicapai oleh sesuatu masyarakat itu telah menunjukkan ketuaan sesuatu bangsa itu sendiri. Lantaran itu apa yang difikir oleh manusia ialah keinginan untuk kaya sendiri, maju sendiri, bebas sendiri dan kuasa sendiri. Manusia langsung tidak menghiraukan syariat Allah S.W.T., penderitaan dan kesengsaraan sesama manusia serta makhluk seluruhnya. Akhirnya terciptalah istilah-istilah yang disebut musyrik, kafir, munafiq, fasiq, zalim dan sebagainya yang membawa terputusnya hubungan dengan Pencipta, manusia dan makhluk lainnya. Seterusnya berlaku apa yang disebutkan oleh Allah dalam firmanNya :

Maksudnya :

*Telah timbul berbagai kerusakan dan bala' bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh dua tangan manusia (timbul yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang telah mereka lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

( Surah Al-Rum 30:31 )

Berdasarkan ayat di atas jelas memperlihatkan kita bahawa segala kerusakan dan kemusnahan yang wujud di atas muka bumi ini tidak ada sebab lain melainkan hasil dari dua tangan manusia yang derhaka kepada Allah S.W.T. Pembangunan yang diagung-agungkan itu melainkan umpama membina bangunan di tepi gaung yang dalam dan akhirnya jatuh tersungkur ke dalamnya. Demikianlah yang dapat difahamkan dari firman Allah S.W.T. yang digambarkan dalam bentuk pertanyaan :

Maksudnya:

*Maka adakah orang yang membangunkan masjid yang didirikan atas dasar taqwa kepada Allah dan (untuk mencari) keberadaan Allah itu lebih baik, ataukah orang yang membangunkan masjid yang didirikan di tepi jurang yang (hampir) runtuhan, lalu untuhlah ia dengan yang membangunkannya ke dalam api neraka? Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberi hidayah pertunjuk kepada orang-orang yang zalim.*

( Surah Al-Tawbah 9:109 )

Sebagaimana seharusnya oleh pembangunan tidak mungkin dilihat dari aspek lahiriah semata tetapi yang lebih penting ialah pembangunan keinsanan manusia itu sendiri. Perkara pertama yang mesti diberi perhatian ialah mental. Peranan akal kepada manusia adalah amat penting untuk menjadi penasihat kepada hati seseorang. Kiranya akal tidak diberi bimbingan yang cukup ianya tidak akan mampu untuk menjalankan peranannya sebagai penasihat.

Dalam hal ini, pendidikan sekular telah mengarahkan pemikiran manusia kepada sesuatu yang dekat iaitu dunia semata, tanpa melihat lebih jauh tentang wujudnya alam lain di sebalik alam syahadah ini. Akibatnya akal manusia tidak dapat berfungsi sebagaimana selayaknya, seolah-olah kehendak akal sama sahaja dengan kehendak nafsu yang sememangnya tidak pernah kenyang dengan dunia. Akhirnya karamah insaniyah manusia itu telah hilang dan tempatnya diganti oleh nafsu. Akal pula menjadi kuda tunggangan kepada nafsu untuk mencapai sesuatu yang diimpikan. Seterusnya lahirlah manusia-manusia yang beranggapan bahawa dunia inilah tempat kesudahan dan syurga.

Islam menanggapi persoalan ini dengan penuh bijak. Akal tetap diberi peranan yang sewajarnya sebagai suatu yang mengangkat darjah manusia yang bergelar khalifah di bumi. Oleh itu akal tidak dibiarkan bebas lepas untuk bertindak sendirian tanpa ada sebarang kawalan.

Untuk tujuan itu Islam telah meletakkan wahyu sebagai sumber rujukan dan bertindak sebagai pembimbing kepada akal untuk membuat sebarang penentuan atau keputusan. Dengan itu akal yang dibimbang oleh wahyu akan bertindak lebih jauh dari apa yang dilihat oleh mata dan didengar oleh telinga.

Perkara kedua yang perlu dilihat ialah hati. Hati adalah umpama raja dalam badan manusia yang akan bertindak untuk mengarahkan segala kekuatan yang ada untuk mencapai sesuatu hasrat. Kerosakannya bererti kerosakan semua dan menggelapkan masa depan seseorang.<sup>1</sup> Oleh kerana akal manusia telah tidak berfungsi dengan sebaiknya untuk memberi nasihat kepada kerajaan hati maka nafsu telah mengambil alih tempatnya. Akibatnya manusia telah tidak dapat berperanan sebagai manusia tetapi telah bertukar menjadi binatang malah kadangkala lebih dahsyat daripada itu.

Setelah keinsanan manusia digugat atau dimusnahkan terus, lahirlah gejala-gejala negatif yang berbagai bentuk masalah sosio-budaya masyarakat yang berpunca daripada peribadi-peribadi yang dibangunkan dalam keadaan yang tidak seimbang itu. Umpamanya rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan dadah, gaya hidup dan tingkah laku yang mementingkan keseronokan dan kemewahan (materialistic hedonism and conspicuous consumption), tindakan-tindakan manipulasi pasaran secara tidak berperikemanusiaan oleh sektor awam, aliran kebudayaan kota yang bersifat "permissive" dan komflik nilai dalam masyarakat melayu sendiri. Tumbuhnya gejala-gejala ini bukan sahaja bertentangan dengan cara hidup Islam tetapi juga dengan prinsip-prinsip rukunegara, iaitu kepercayaan kepada Tuhan serta Kesopanan dan Kesusilaan.<sup>2</sup>

## PERKEMBANGAN INDUSTRI DAN MASALAH-MASALAH SOSIO-BUDAYA

Perkembangan Industri yang kian pesat di negara-negara yang sedang membangun dari sudut kebendaan seperti Malaysia, telah membawa masalah baru pula kepada situasi sosio-budaya masyarakat. Walaupun kadar kemiskinan dan pengangguran dapat diatasi, lahir pula masalah-masalah baru yang dihasilkan oleh perkembangan industri itu.

1. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w pernah bersabda

Maksudnya : Ketahuilah! Bahawa dalam badan ada sekutu daging; apabila ia baik, baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak, rosaklah sekeliannya. Ketahuilah! Itulah yang dikatakan hati.

Hadith ini diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Lihat Al-Iman Al-Nawawi, Matan Al-Arb'sin Al-Nawawiyah, Hadith ke 6.

Terjemah oleh Mustafa 'Abd Al-Rahman, Hadith Empat Puluh, cetakan 1, (Pulau Pinang : Maktabah Al-Haj 'Abdullah bin Muhammad Nurul Din Al-Rawi, 1386h./1966m.), halaman. 166

2. Lihat Mohd. Kamal Hassan ( Prof. Dr.), Pembangunan Manusia Secara Sepadu Dan Implikasinya Ke Atas Pendidikan Kebangsaan, kertas kerja, halaman. 2

Antaranya ialah inflasi, kenaikan harga barang-barang keperluan asasi, kesesakan kota, ketidaksamarataan pendapatan yang kian meluas, pembaziran sumber-sumber alam dan tenaga, pencemaran alam sekitar yang semakin gawat, dan krisis perumahan yang meruncing. Semuanya ini akan menjelaskan ketenteraman hidup rakyat, lebih-lebih lagi golongan yang berpendapatan rendah. Sebahagian besar dari gejala-gejala yang tersebut di atas berpunca dari keruntuhan akhlak dan rohani manusia.<sup>3</sup>

Sebahagian besar golongan belia di ibu kota pula berorentasikan budaya hiburan, budaya bebas-lepas, dan keseronokan nafsu syahwat bertambah sukar untuk dikawal. Budaya dadah yang kian merebak di kalangan belia dan beliawanis melayu di samping kemerosotan disiplin di sekolah-sekolah terus-menerus mewarnai masa depan negara. Keruntuhan akhlak dalam masyarakat belia turut dibantu oleh bahan-bahan lucah di pasaran yang berupa majalah, akbar, kesat, video dan rancangan-rancangan televisyen yang memberi saham besar ke arah kemasuhan akhlak para belia.

Satu lagi yang dibimbangi dan dikira memberi sumbangan besar ke arah lahirnya masalah ini ialah industri pelancongan yang memang menjadi salah satu strategi kerajaan untuk menarik seberapa banyak pelancong asing ke Malaysia bagi menggalakkan pengaliran wang asing ke dalam negara. Untuk tujuan itu kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar wang bagi mengindahkan pusat-pusat pelancongan dalam negara. Walau apapun yang difikir dan dilaksanakan oleh kerajaan untuk kebaikan rakyat adalah disanjung tinggi, namun yang membimbangkan kita ialah penyakit-penyakit sosial yang kian merebak di negara-negara luar itu, diimpot masuk ke negara kita dan membantu menambahkan lagi kekusutan yang sedia ada. Penyakit Aids yang ditakuti oleh semua, kini menjadi persoalan hangat yang diperbincangkan oleh semua peringkat samada di kedai-kedai kopi; di pejabat-pejabat atau di mana-mana sahaja. Kiranya gejala ini tidak dibendung dan dikawal dengan segera, sudah tentu negara akan mengalami masalah besar satu hari nanti. Semua gejala yang berlaku ini adalah disebabkan oleh hilangnya nilai-nilai murni yang ada pada diri insan itu.

Kalau demikian halnya, persoalan pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan perlulah dikaji semula dan diselaraskan mengikut kehendak dan neraca pertimbangan syariat. Persoalan ini perlulah difahamkan kepada semua agar setiap individu di segenap peringkat memberikan perhatian yang serius, terutama para intelek dan ulama bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

---

3. *Ibid.* hlm. 3.

## PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI ALTERNATIF

Dalam usaha membina pembangunan hakiki, tidak ada teori lain yang dirasakan lebih bersifat praktik untuk diketengahkan melainkan "Pendidikan". Pendidikanlah yang mampu memainkan peranan merubah masyarakat dan tamadun yang dibina. Namun begitu bukan semua jenis pendidikan boleh dipakai kerana pendidikan sekular umpamanya telah membuktikan ketidakupayaannya untuk menyelesaikan masalah umat. Bahkan masalah yang wujud hari ini pun memang berpunca dari pendidikan sekular yang hanya mementingkan sesuatu yang bersifat keduniawian semata. Oleh yang demikian, pendidikan tersebut mestilah menjurus kepada persoalan asas yang ingin dirawati, iaitu penyakit yang menjadi titik tolak berlakunya bentuk pembangunan yang membiakkan pelbagai masalah dalam masyarakat. Pendidikan yang dimaksudkan ialah "Pendidikan Islam" kerana ianya berteraskan ajaran tauhid dan bersumberkan wahyu.

## DEFINISI PENDIDIKAN

Terdapat beberapa pandangan ahli pendidikan dalam memberi tafsiran yang sesuai mengenai pendidikan, antaranya ialah :

1. Pendidikan, ialah sebagai usaha secara sengaja atau tidak untuk menambah dan memupuk segala daya serta kemahiran akal, akhlak, jasmani dan citarasa manusia. Ini bererti sesuatu yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada tiga faktor utama iaitu: Kehendak, baka dan persekitaran.
2. Setengah ahli pendidikan mengatakan, pendidikan sebagai proses pembentukan kecenderungan-kecenderungan asasi yang berupa aqliah dan perasaan terhadap alam dan manusia.
3. Menurut Dr. Sobri Salamon, Pendidikan ialah segala pengaruh fizikal, biologi, akhlak dan sosial yang membentuk aliran individu dan negara. Dalam pengertian yang sempit ia merupakan pengaruh-pengaruh khas yang disusun dan dicipta oleh ahli-ahli pendidik, sekolah-sekolah, kolej-kolej dan lain-lain pusat pendidikan.<sup>4</sup>
4. Dr. Harun Din pula menyimpulkan pendidikan Islam sebagai suatu proses secara rasmi atau tidak untuk memupuk potensi semula jadi manusia, jasmani dan rohani yang merangkum aspek-aspek kecerdasan otaknya, budi pekerti dan daya ciptanya, secara padu dan berimbang rapi, bagi melahirkan individu yang mengenali hakikat dirinya (dari Allah ia datang dan kepadaNya ia kembali) yang akan menjadi anggota masyarakat yang sempurna, membina negara selaras dengan ajaran Allah Penciptanya yang dalam suatu masa beriman dengan Allah dengan segala implikasinya, berilmu beramat

4. Sobri Salamon (Dr.), *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*, (Al-Rahmaniyyah dan Hizbi Sdn. Bhd.), hlm. 2.

dan bertakwa menurut ajaran agamanya, sesuai dengan insan itu sebagai khalifah Allah yang seluruh hidupnya kerana kebahagiaan di dunia dan di akhirat.<sup>5</sup>

Berdasarkan definisi-definisi di atas, menunjukkan bahawa pendidikan Islam adalah menjadi saluran terpenting dan cara yang terbaik untuk mengekal dan memindahkan cara hidup Islam ke dalam setiap individu dan masyarakat ke arah membentuk generasi yang bertaqwa dan beramal salih. Lantaran itu ianya mempunyai falsafahnya tersendiri yang mesti diberikan perhatian sewajarnya.

## FALSAFAH PENDIDIKAN

Dr. Al-Saybani mentakrifkan bahawa falsafah pendidikan Islam ialah usaha pelaksanaan teori dan method falsafah di bidang pengalaman manusia yang dipanggil "pendidikan". Oleh itu, falsafah pendidikan berfungsi menilai pendidikan, menyelaras dan menganalisa permasalahan dan isunya dalam kehidupan. Ia mencakupi,

- i) pemahaman-pemahaman yang berbeza, dan
- ii) menjelaskan makna-makna istilah-istilah yang digunakan dalam pendidikan, ia juga menentukan perkara-perkara pokok yang ada hubungan dengan lapangan-lapangan lain dalam kehidupan manusia.<sup>6</sup>

Dr. Sam'an pula berpendapat, falsafah pendidikan sebagai aktiviti yang dibuat oleh ahli-ahli pendidik dan ahli-ahli falsafah untuk penjelasan, penyusunan, pengkritikan, penilaian dan pengubahsuaian operasi pendidikan.<sup>7</sup>

Berdasarkan dua takrif di atas, jelas menunjukkan bahawa mempelajar falsafah pendidikan dan kajian mengenainya boleh menyuburkan teori-teori pendidikan. Kejayaan dan kegagalan falsafah pendidikan adalah bergantung kepada sejauh mana kejayaan atau kegagalan kita membentuk sikap guru-guru dan membetulkan arah aliran pemikiran mereka.

5. Haron Din (Dr.), *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia* (Al-Rahmaniyyah dan Hizbi Sdn. Bhd.), hlm. 45-46.

6. Umar Muhammad al-Tumi al-Saybani (Dr.), *Falsafah al-Tarbiyah Al-Islamiyyah*, (Tripoly, 1975), hlm. 17.

7. Sadiq Sam'an (Dr.), *Al-Falsafah wa Al-Tarbiyah*, (Qahirah : 1962), hlm. 177-178.

## MATLAMAT PENDIDIKAN

Pakar-pakar pendidikan Islam bersepakat mengatakan bahawa tujuan pendidikan Islam bukanlah setakat memenuhi keperluan otak anak-anak yang dididik dengan segala macam ilmu yang belum mereka ketahui tetapi bertujuan mendidik akhlak dan jiwa mereka, menanamkan sikap bertanggungjawab, membiasakan mereka dengan kesopanan yang tinggi, mempersiapkan mereka untuk kehidupan yang suci, ikhlas dan jujur. Untuk ke arah itu, semua mata pelajaran haruslah dijuruskan kepada pendidikan akhlak dan jiwa sebelum yang lain-lain. Akhlak adalah tiang asas bagi pendidikan Islam.<sup>8</sup>

Pendidikan dalam Islam tidak terbatas kepada keakhiran semata dan tidak pula terbatas kepada keduniaan, namun kedua-duanya adalah dibina dalam keadaan sepadu dan tidak terpisah antara satu sama lain. Demikianlah firman Allah S.W.T. dalam al-Quran :

Maksudnya :

*"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engku melupakan bahagianmu dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu; dan janganlah engkau melakukan kerusakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerusakan".*

( Surah al-Qasas 28:77. )

Dalam hal ini, Dr. al-Syaybani, seorang ahli pendidikan moden menyimpulkan tujuan pendidikan Islam kepada empat tujuan pokok :

1. Pembangunan roh. Islam memandang manusia terdiri dari roh, jasad dan akal. Kesejahteraan jasad dan akal tidak sempurna kalau tidak dapat memenuhi permintaan roh.
2. Melahirkan manusia salih sebagai tujuan kedua. Islam memandang manusia sebagai individu dalam kumpulan, dan sebagai sebahagian dalam masyarakat yang hidup bantu-membantu; Islam menganggap cinta tanahair, ikhlas dan sedia berjihad untuk mempertahankan iman haruslah tidak bertentangan dengan konsep warganegara yang salih.
3. Membangunkan individu sebagai intelektual yang serba lengkap.
4. Persediaan untuk hidup di dunia dan akhirat. Antara ciri istimewa Islam ialah gabungan antara 'aqidah dan syari'ah, antara jasad dan roh, antara dunia dan akhirat, seruan ke arah amalan dan pengeluaran. Pembelajaran bimbingan yang betul untuk persiapan dunia dan akhirat. <sup>9</sup>

8. Sobri Salamon (Dr.), *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*. (Al-Rahmaniyyah dan Hizbi Sdn. Bhd.), hlm. 6-7.

9. Lihat al-Syaybani, op.cit, hlm. 281-193.

Matlamat pendidikan dalam Islam adalah jelas untuk membina sakhsiyah Islamiyyah setiap individu agar menjadi Insan al-Kamil yang menuaikan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. untuk menjaga kestabilan dan kemakmuran alam ini. Untuk tujuan itu Islam mempunyai falsafah pendidikan tersebut dari segi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran, hubungan guru dengan murid, hubungan guru dengan rumahtangga murid, malah mengenai peribadi guru itu sendiri yang bertindak sebagai pendidik.<sup>10</sup> Mendidik bukan bererti menghamburkan berbagai maklumat dan ditanam ke dalam dada para murid, tetapi lebih jauh daripada itu kerana pendidikan Islam bertujuan membina peribadi, keluarga, masyarakat dan negara serta dunia seluruhnya. Berdasarkan hakikat inilah sebenarnya para rasul diutus oleh Allah S.W.T. kepada umat manusia bertindak sebagai khalifah khusus untuk menyampaikan risalah Islam serta membimbing umat ke arah kecemerlangan pembangunan yang hakiki. Demikianlah penegasan yang diberikan oleh Allah S.W.T. :

Maksudnya:

*Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar). Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufig yang diberi-Nya; dan sebagai lampu yang menerangi.*

( Surah al-Azaz : 45-46)

Pengutusan para rasul secara silih berganti dari semasa ke semasa dan berakhir dengan pengutusan Nabi Muhammad s.a.w. adalah bertujuan mengembalikan ingatan manusia kepada fitrahnya. Lantaran itu, maklumat yang disampaikan oleh mereka adalah maklumat benar yang datang dari Tuhan mereka untuk disebarluaskan kepada seluruh umat manusia sehingga hari kiamat. Sebab itu persoalan ilmu adalah persoalan yang paling asas perlu diambil berat oleh semua sebelum seseorang itu lahir ke dunia ini dan sebelum makanan sampai ke mulutnya.

## ILMU SEBAGAI ASAS PENDIDIKAN

Islam memandang setiap insan memerlukan tiga jenis makanan asasi untuk diri dalaman mereka. Ketiga-tiga makanan ini saling kait mengait antara satu sama lain. Ketiadaan salah satu daripadanya, bererti tidak sempurnalah seseorang insan itu. Makanan-makanan yang dimaksudkan ialah :

10. Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Othman, *Falsafah Pendidikan Islam : Sejauhmanakah Perlaksanaannya di Malaysia*, (UKM : Kertas kerja Seminar Pendidikan Islam Malaysia ke Tiga, 1405H/1984M), hlm 1

1. Ilmu; iaitu makanan kepada akal fikiran
2. Iman; iaitu makanan kepada roh
3. Akhlak; iaitu makanan kepada moral

Ketiga-tiga jenis makanan di atas merupakan makanan maknawi kepada diri dalaman seseorang untuk mempastikan seseorang insan itu benar-benar sempurna. Kepentingannya tidak dapat dinafikan lagi, sama pentingnya makanan hiss kepada jasad seseorang. Seseorang yang mahu jasmaninya sihat dan bertenaga memerlukan makanan yang secukupnya untuk diisi ke dalam perut. Demikian jugalah dengan ilmu, iman dan akhlak.

Berdasarkan kategori di atas, kedudukan ilmu adalah paling teratas. Iman yang tidak berlandaskan ilmu adalah iman yang dipertikaikan, akhlak yang tidak berdasarkan iman adalah palsu. Demikian juga jasad seseorang memerlukan kepada makanan yang sesuai untuk kesihatan dan kecergasan. Kiranya sakit, ia memerlukan ubat yang sesuai untuk memulihkannya. Sebagai menentukan makanan dan ubat yang sesuai untuk jasad, sudah pastinya memerlukan ilmu. Dari sini terbuktilah betapa penting dan mustahaknya ilmu kepada manusia.

Ilmu adalah alat terpenting untuk pendidikan. Pendidikan yang tidak didahului oleh ilmu, adalah pendidikan yang salah. Sementara ilmu pula mestilah bersandarkan wahyu Allah S.W.T.. Hanya ilmu yang bersandarkan wahyu sahajalah menepati hakikat ilmu yang sebenarnya. Firman Allah S.W.T.:

Maksudnya:

*Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah Allah (kitab suci al-Qur'an), adalah sebagai sebuah "misykat"<sup>11</sup> yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam gelok kaca, gelok kaca itu pula jernih terang) taksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak daripada pokok yang banyak manfaatnya (aitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ianya sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda), cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendaki-Nya (menuul undang-undang dan peraturan-Nya) kepada nur hidayah-Nya itu; dan Allah mengemukakan berbagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha mengetahui atas tiap-tiap sesuatu.*

( Surah Al-Nur 24:35. )

11. "Misykat" ialah lubang yang tidak tembus yang diadakan di tembok (dinding rumah) sebagai tempat meletakkan lampu supaya pancaran cahayanya kuat dan tidak berselerak. Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an, cet. 1, (Jabatan Perdana Menteri : Bah. Agama 1400H/1980M), hlm. 901.

Demikianlah bandingan cahaya petunjuk Allah menyinari hati orang-orang yang beriman adalah ibarat sebuah lampu yang terang benderang terletak di dalam tempat kurungannya. Tambahan pula lampu itu di dalam sebuah qandil (gelok kaca), dan kerana jernihnya kaca tersebut menjadikan cahaya lampu itu gemerlap laksana bintang di langit yang bersinar cemerlang. Lebih-lebih lagi minyak lampu itu dari pokok yang banyak manfaatnya iaitu pokok zaitun yang tumbuh di daerah yang sentiasa mendapat sinaran matahari, menyebabkan minyaknya jernih bersinar-sinar. Semuanya itu menambahkan kilauan cahaya lampu yang berganda-ganda.

Apa yang digambarkan oleh firman Allah di atas adalah berupa hakikat ilmu yang menyinari dalam lubuk hati seseorang hamba, sekaligus menjadi hidayah untuk menyuluh kehidupan seseorang di permukaan bumi agar tetap berada di atas landasan "Sirat al-Mustaqim" yang dijalannya. Berdasarkan hakikat inilah wahyu pertama diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada junjungan besar Muhammad s.a.w. menjelaskan persoalan hakikat ilmu yang mesti diterokai oleh manusia, sebagaimana firmanNya :

Maksudnya:

*"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).  
Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu  
yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan.  
Ia mengajar manusia apa yang tidak ketahuinya"*

( Surah al-'Alaq 96:1-5 )

Meneliti ayat di atas, kita akan diresapi oleh suatu perasaan yang mengagumkan bila kita diperintah membaca dengan nama Allah. Mengapa mesti membaca (mempelajari mengkaji dan sebagainya) dengan nama Allah? Mengapa tidak dengan nama lain? Ini dapat dimengertikan bahawa seluruh ilmu pengetahuan adalah hak Allah, apabila kita hendak menimba ilmu, janganlah kita lupa kepada yang empunya ilmu itu, iaitu Allah. Allah yang menjadikan seluruh kejadian. Allah Yang Maha Mulia. Allah yang menganugerahkan ilmu pengetahuan kepada manusia.

Dari beberapa potongan ayat di atas, sudah lebih dari cukup untuk dimengertikan hakikat ilmu dan menentukan arah disiplin ilmu yang menjadi asas terpenting dalam pendidikan. Menyentuh tentang ilmu, Islam membahagikan skop pembelajarannya kepada dua aspek, iaitu: Ilmu teras dan ilmu alat atau ilmu asas dan ilmu cabang atau ilmu fardhu Ain dan ilmu fardhu Kifayah. Kedua jenis ilmu ini haruslah dibina dalam keadaan sepadu dan tidak harus terpisah antara keduanya. Kiranya kedua-dua jenis ilmu ini dipisahkan, akanlah corak pendidikan yang bersifat sekular (pemisahan antara aktiviti dunia dan ukhwani). Akibat daripada itu, lahirlah manusia-manusia yang tidak sempurna samada menumpukan perhatian kepada pembinaan tamadun dari sudut

kebendaan duniawi semata atau disebaliknya. Inilah sebenarnya penyakit yang melanda dunia Islam keseluruhannya akibat daripada aliran sistem pendidikan sekular yang dipusakakan oleh penjajah barat tidak berapa lama dulu dan masih berjalan hingga kini.

## BIDANG PENDIDIKAN ISLAM

Oleh kerana matlamat pendidikan dalam Islam menjangkau persoalan yang sangat luas, iaitu mahu menggarap segala permasalah yang ditimbulkan dari sekecil-kecil hingga besar-besarnya, pendidikan juga mestilah bersifat melebar dan menjangkau seluruh aspek yang diperlukan. Al-Ustaz 'Abdullah Nasih 'Ulwan ketika membicarakan tentang tanggungjawab para pendidik, dalam bukunya "Tarbiyah al-Awlad" telah membahagikan pendidikan tersebut kepada Aspek-aspek berikut :-

- Pendidikan iman (al-Imaniyah)
- Pendidikan akhlak (al-Khuluqiyah)
- Pendidikan jasmani (al-Jismiyah)
- Pendidikan mental (al-'Aqliyah)
- Pendidikan jiwa (al-Nafsiyah)
- Pendidikan sosial (al-Ijtima'iyah) dan
- Pendidikan seks (al-Jinsiyah) <sup>12</sup>

### Pendidikan Iman (Tarbiyah al-Imaniyah)

Maksud pendidikan iman di sini ialah usaha mengikat anak-anak dengan asas-asas keimanan semenjak ianya boleh berfikir, membiasakannya dengan rukun-rukun Islam semenjak ia mulai mengerti tentangnya dan mengajarnya tentang dasar-dasar syariat semasa ia sampai ke peringkat mumaiyiz.

Asas-asas keimanan yang dimaksudkan di sini ialah perkara-perkara ghaib yang diwajibkan ke atas setiap individu muslim mengimannya, seperti iman dengan Allah S.W.T., malaikat-malaikatNya, kitab-kitab samawiNya, rasul-rasulNya, qadar baik dan buruk dariNya dan kewujudan hari akhirat (mengenai soal-jawab di alam qubur oleh dua malaikat, azab kubur, bangkit semula sesudah mati, hisab, syurga dan neraka.) juga perkara-perkara ghaibiyat keseluruhannya.

Manakala yang dimaksudkan dengan rukun-rukun Islam ialah semua jenis ibadah badan dan harta iaitu solat, puasa, zakat dan haji bagi yang berkemampuan. Sementara dasar-dasar syariat pula ialah tiap-tiap sesuatu yang berhubungan dengan "Manhaj Rabbani" dan sistem-sistem pengajian Islam dari aspek akidah, syariah, ibadah, akhlak dan segala peraturan serta hukum-hakam yang menjadi fardu ain untuk diketahui dan dihayatinya. Semuanya adalah berupa asas-asas pengajian dalam

12. Abdullah Nasih Ulwan, *Tarbiyah Al-Awlad fi al-Islam*, 2 juzu', juzu' 1, cetak. 9 (al-Qahirat : Dar al-Salam, li al-Tiba'ah wa al-Tawzi, 406H/1985M), hlm. 18

Islam yang menjadi tanggungjawab kepada para pendidik untuk memberikan kefahaman dan bimbingan semenjak di peringkat kanak-kanak lagi. Adalah diharapkan agar kanak-kanak itu nanti membesar dalam keadaan terikat dengan sistem dan peraturan Rabbani, mengambil Islam sebagai cara hidupnya, al-Qur'an sebagai panduan dan perlembagaan hidupnya dan Rasulullah s.a.w. sebagai contoh serta ikutan dalam kehidupannya.

### **Pendidikan akhlak (al-Khuluqiyah)**

Pendidikan akhlak yang dimaksudkan di sini ialah himpunan asas-asas akhlak dan segala nilai-nilai murni yang wajib diterap dan dibangunkan dalam diri seseorang semenjak di peringkat mumaiyiz, boleh berfikir hingga ke peringkat mukallaf, berusia remaja, dewasa, seterusnya mampu memenuhi tuntutan kehidupan sebagai "Insan Rabbani". Memang tidak dapat dinafikan bahawa segala-galanya ini merupakan buah yang terhasil dari keimanan yang mantap dan pembentukan keagamaan yang sahih.

### **Pendidikan Jasmani (al-Jismiyah)**

Antara pendidikan yang ditekankan oleh Islam juga ialah pendidikan jasmani. Pendidikan ini adalah bertujuan melahirkan generasi yang kuat, cergas dan sihat samada fizikal maupun mental, kerana akal yang sihat terletak kepada badan yang sihat. Untuk tujuan itu Islam mewajibkan ke atas para pendidik khususnya bapa-bapa memberikan belanja yang secukupnya kepada keluarga masing-masing; dari segi makan dan minum, pakaian serta tempat tinggal yang selesa mengikut kemampuan yang mereka ada.

Di samping itu juga mereka dikehendaki memberi makan mengikut kaedah yang betul dari sudut kesihatan agar pertumbuhan fizikal anak-anak sempurna. Dalam masa yang sama mereka juga mestilah berusaha mengawal dari sebarang penyakit, mengubati sekiranya terkena penyakit, mendedahkan anak-anak dengan riyadah dan permainan-permainan yang berfaedah untuk kesihatan mereka dan sebagainya.

### **Pendidikan Mental (al-'Aqiliyyah)**

Pendidikan mental ialah membentuk pemikiran seseorang melalui proses pendedahan kepada semua jenis ilmu yang bersifat fardu ain dan fardu kifayah. Dalam ertikata lain segala maklumat yang memberi makna kepada mental seseorang samada yang bersifat asas seperti ilmu asas-asas akidah (Usul al-'Aqidah), asas-asas perundangan (Usul al-Syari'ah), asas-asas ibadah (Usul al-'Ibadah) dan asas-asas akhlak (Usul al-Akhlaq), maupun yang bersifat cabang seperti ilmu politik pentadbiran (al-Siyasah), perekonomian (al-Iqtisadiyyah), kemasyarakatan (al-Ijtimaiyyah) dan apa sahaja jenis ilmu moden yang sentiasa berkembang mengikut arus perkembangan sains dan teknologi. Segala maklumat-

maklumat yang dikira boleh memberi masalah kepada perkembangan kecerdasan pemikiran seseorang dikira sebagai pendidikan mental yang sangat dipandang berat oleh Islam.

### **Pendidikan Jiwa (al-Nafsiyyah)**

Pendidikan jiwa ialah berupa pendidikan yang bertujuan melahirkan peribadi-peribadi yang berjiwa besar, berani serta tabah dalam menghadapi segala bentuk cabaran yang mendarat, cintakan kebaikan, keamanan dan keharmonian, memiliki sifat kasih sayang terhadap orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri.

### **Pendidikan Kemasyarakatan (al-Ijtima'iyyah)**

Pendidikan kemasyarakatan pula ialah mendedahkan seseorang kepada kehidupan bermasyarakat serta berusaha menanamkan nilai-nilai murni yang menjadi asas-asas penting untuk hidup secara bermasyarakat. Ianya mestilah terbit dari pancaran cahaya 'aqidah Islamiyyah dan rasa keimanan yang mendalam dalam lubuk hati seseorang sehingga melahirkan insan yang indah dari sudut pergaulannya, peradabannya dan kematangannya dalam menangani permasalahan yang wujud dalam masyarakat.

### **Pendidikan Seks (al-Jinsiyyah)**

Pendidikan seks juga diambil berat oleh Islam apabila seseorang itu telah sampai masanya untuk mengetahui perkara tersebut. Pendidikan ini perlu didedahkan secara berperingkat-peringkat mengikut tahap yang perlu diketahui oleh seseorang. Ianya bermula semenjak mumayyiz lagi. Ini adalah agar seseorang itu membesar dalam keadaan memahami akan urusan-urusan kehidupan ini dan hakikat halal/haram dalam urusan tersebut.

## **PENUTUP**

Demikianlah luasnya bidang pendidikan Islam yang bukan hanya menumpukan persoalan-persoalan yang bersifat juz'i tetapi merangkumi seluruh ruang lingkup kehidupan manusia dan mampu menggarap segala permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Berdasarkan penjelasan yang telah dikemukakan dapatlah dikatakan bahawa pendidikan sekular sememangnya tidak mampu untuk menangani masalah ummah yang sentiasa bertambah. Oleh yang demikian Pendidikan Islamlah satu-satunya jalan penyelesaian yang perlu diketengahkan sebagai alternatif kepada pendidikan jahiliah yang telah terbukti kelemahannya itu. Negara maju yang diimpikan pada tahun 2020 tidak akan dapat kita capai kiranya Pendidikan Islam hanya diterima oleh kelompok kecil dalam masyarakat.

## BIBLIOGRAFI

Al-Nawawi, Mahy al-Din Abi Zakariyya Yahya bin Syaraf, Matan al-Arba'in al-Nawawiyah, terj. oleh Mustafa 'Abd al-Rahman, Hadith Empat Puluh, cet. 1, Pulau Pinang: Maktabah al-Haj 'Abdullah bin Muhammad Nurul Din al-Rawi, 1386H/1966M.

Mohd. Kamal Hassan (Prof. Dr.), Pembangunan Manusia Secara Sepadu Dan Implikasinya Ke Atas Pendidikan Kebangsaan, Kertas kerja.

Sobri Salamon (Dr.), Masalah Pendidikan Islam di Malaysia, Al-Rahmaniyyah dan Hizbi Sdn. Bhd.

Haron Din (Prof. Dato' Dr.), Masalah Pendidikan Islam di Malaysia, Al-Rahmaniyyah dan Hizbi Sdn. Bhd.

Al-Saybani, 'Umar Muhammad al-Tumi (Dr.), (1975) Falsafah al-Tarbiyah Al-Islamiyyah Tripuly, 1975.

Sadiq Sam'an (Dr.), Al-Falsafah wa Al-Tarbiyah, (1962) Qahirah.

Abdul Hamid Othman (Prof. Madya Dr.) Falsafah Pendidikan Islam: Sejauhmanakah Perlaksanannya di Malaysia, UKM : Kertas kerja Seminar Pendidikan Islam Malaysia Ke Tiga, 1405H/1984M.

Sheikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an, cetak. 1, (Jabatan Perdana Menteri : Bah. Agama 1400H/1980M).

'Abdullah Nasih 'Ulwan,(1406H/1985M) Tarbiyah al-Awlad fial-Islam, 2 juzu', juzu' 1, cet. 9 (al-Qahirat: Dar al-Salam, li al-Tiba'ah wa al-Tawzi').